

BERITA HARIAN

DATE: 21 / 08 / 2007

Dasar perlu selari perubahan: Nazrin

KUALA LUMPUR: Pembuat dasar harus menyedari perubahan yang perlu dilakukan jika Malaysia mahu kekal makmur untuk 50 tahun akan datang, titah Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah.

Baginda bertitah, mereka patut menyedari bahawa apa yang berjaya pada masa dulu mungkin tidak boleh dilaksanakan pada masa depan.

"Untuk memastikan Malaysia berdaya saing pada peringkat antarabangsa, negara perlu mengambil langkah besar dalam bidang teknologi dengan menceburi teknologi tinggi dan industri intensif ilmu," titah baginda ketika melancarkan buku bertajuk *Malaysia: From Kampung to*

“Untuk memastikan Malaysia berdaya saing pada peringkat antarabangsa, negara perlu mengambil langkah besar dalam bidang teknologi”

Raja Nazrin Shah
Raja Muda Perak

Twin Towers 50 Years of Economic and Social Development di Carcosa Seri Negara, di sini, semalam.

Raja Nazrin bertitah, pertumbuhan pada masa depan haruslah daripada keuntungan produktiviti dan kejayaan teknologi.

"Untuk melakukannya ia memerlukan negara memperbaiki asas modal insan dengan melabur dalam bidang latihan dan pendidikan serta menggalakkan penyelidikan dan pembangunan.

"Semuanya menyumbang ke arah sebuah ekonomi moden yang berfungsi secara efektif dan efisien," titah baginda.

Dalam beberapa aspek tertentu yang penting, titah Raja Nazrin, Malaysia adalah model paling sesuai bagi negara membangun yang lain dalam pencapaian ekonominya berbanding harimau Asia Timur seperti Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura.

"Malaysia adalah negara yang kaya sumber berbeza dengan ekonomi Asia Timur yang miskin sumber.

"Malaysia masih sebuah daripada beberapa negara yang berjaya menukar asas kekayaan sumber aslinya kepada pembangunan lestari," katanya.

Kira-kira 150 tetamu menghadiri pelancaran buku itu hasil karya Datuk Dr Richard Leete, Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) bagi Malaysia. - Bernama



TAHNIAH: Raja Nazrin mengucapkan tahniah kepada penulis buku *Malaysia - From Kampung To Twin Tower: 50 Years of Economic and Social Development*, selepas pelancaran buku itu di Kuala Lumpur, semalam.